

SULIT

NAMA: _____ TINGKATAN: PERALIHAN

ARAHAN . JAWAB SEMUA SOALAN

A. Lengkapkan petikan berikut dengan frasa yang sesuai. (10 Markah)



Nama saya ialah Sze Hui. Saya tinggal di Taman Mas. Ibu saya seorang suri rumah. Saya mempunyai seorang abang dan dua orang kakak. Hobi saya bermain catur dan melayari Internet. Saya bercita-cita menjadi seorang pramugari. Saya berharap agar cita-cita saya menjadi kenyataan pada suatu hari nanti.

Nama saya pula ialah Vicky. Saya tinggal di Bandar Putra. Bapa saya seorang doktor. Saya mempunyai seorang abang dan seorang kakak. Hobi saya memancing ikan dan menonton wayang. Saya bercita-cita menjadi seorang peguam. Oleh itu, saya mesti belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita saya.



Nama saya ialah Richard. Saya berusia 13 tahun dan sedang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Senai. Saya tinggal di Taman Matahari. Saya mempunyai seorang kakak dan seorang adik lelaki. Hobi saya membaca komik dan menonton drama di televisyen. Saya bercita-cita menjadi seorang tukang masak terkenal di Malaysia. Oleh itu, saya perlu berusaha gigih untuk berjaya.

Lengkapkan jadual berikut berdasarkan maklumat di atas. (10 markah)

Nama	Tempat Tinggal	Cita-cita	Hobi

SULIT

B. Lengkapkan petikan berikut dengan frasa yang sesuai. (10 Markah)

- menyertai acara mewarna Jalur Gemilang
- seronok melihat persembahan itu
- sambutan Hari Kemerdekaan
- menyaksikan persembahan drama
- menyanyikan lagu Negaraku

Pada 31 Ogos yang lalu, sekolah Hanisah _____
_____. Sambutan itu diadakan di dewan sekolah.
Murid-murid dan guru-guru bersama-sama _____
_____. Banyak acara dijalankan semasa sambutan Hari Kemerdekaan. Hanisah
_____ bersama
Kok Meng dan Khairul. Selepas acara mewarna, para tetamu _____
_____ yang disertai murid Tahun Lima Jaya.
Para tetamu _____.

SULIT

C. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. (10 Markah)

Jalur Gemilang	8 Februari 1966	ke-64
Tunku Abdul Rahman	lagu patriotik	Dataran Merdeka
13.5 kilometer	Tun Dr. Mahathir Mohamad	31 Ogos 1957
	pejuang negara	

1. Hari Kemerdekaan negara jatuh pada _____.
2. Pengisytiharan kemerdekaan negara berlangsung di _____.
3. Nama bendera Malaysia ialah _____.
4. Kita menyambut Hari kebangsaan yang _____.
5. Saya meraikan Hari kebangsaan di sekolah dengan menyanyikan _____ dan mengibarkan bendera.
6. Perdana Menteri Malaysia yang pertama ialah _____.
7. Ulang tahun kemerdekaan di sambut bagi menghargai _____.
8. Tugu Peringatan Negara siap dibina pada _____.
9. Panjang Jambatan Pulau Pinang ialah _____.
10. Putrajaya merupakan cetusan idea Perdana Menteri _____.


SULIT

D. Menyatakan anggota badan manusia

(7 M)

Isikan jawapan yang betul.

SIKU	JARI	GIGI	LENGAN
LUTUT	KAKI	TANGAN	KEPALA



E: Fungsi deria manusia

(3 M)

Nyatakan fungsi organ deria manusia dengan betul.

SENTUH	BAU	PENDENGARAN	RASA	PENGLIHATAN
--------	-----	-------------	------	-------------

Organ Deria	Fungsi
Mata	
Hidung	BAU
Lidah	
Kulit	SENTUH
Telinga	

SULIT

F. Nyatakan sama ada pernyataan di bawah BETUL atau SALAH mengenai peraturan di bengkel (10 M)

1. Buang sampah ke dalam tong sampah _____
2. Makan dan minum di dalam bengkel _____
3. Tidur di dalam bengkel _____
4. Memakai apron ketika di bengkel _____
5. Masuk ke dalam bengkel selepas mendapat kebenaran guru _____
6. Berlari di dalam bengkel _____
7. Pakai selipar semasa masuk ke dalam bengkel _____
8. Pastikan semua suis dipadam sebelum keluar bengkel _____
9. Duduk dan bekerja di tempat yang telah ditetapkan _____
10. Biarkan lantai bengkel basah dan berminyak. _____